

# sukan



Penganjuran Larian Pearl Night Run mewarnai sambutan Hari Wanita Peringkat UMP.

## Wanita UMP amal gaya hidup sihat

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahit  
bhvarsiti@bh.com.my

▀ Gambang

Kira-kira 800 peserta terdiri daripada wanita warga kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil bahagian dalam acara larian sejauh lima kilometer sempena Sambutan Hari Wanita

Sedunia peringkat UMP, di sini, baru-baru ini.

Acara larian yang diadakan di sekitar kampus UMP itu, anjuran Sekretariat Generasi Siswa Sihat (Genesis) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari), Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Pusat Kesihatan Universiti.

Pengarah program, Amira Shafiqah Rahim, berkata, program larian itu

adalah sebahagian daripada aktiviti Genesis sebagai menyokong usaha universiti dalam mengamalkan budaya gaya hidup sihat.

“Lebih menarik, sambutan kali ini membabitkan beberapa program seperti acara larian, karnival sukan, pertandingan masakan sihat, derma darah dan perkongsian penjagaan kesihatan serta pemeriksaan kesihatan membabitkan warga kampus UMP

yang berlangsung seminggu,” katanya.

### Penyampaian anugerah

Beliau berkata, setiap mahasiswa perlu diberi kesedaran mengenai gaya hidup sihat dengan menyemai sifat keprihatinan terhadap isu kesihatan terutamanya dalam kalangan wanita yang turut memainkan peranan penting menyumbang kepada pembangunan negara.

Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia peringkat UMP itu, mahasiswi Joanne Bong Shan Shan menerima Anugerah Tunas Harapan, manakala Anugerah Srikandi dianugerahkan kepada Afiqah Yeop bagi menghargai sumbangan cemerlang mereka dalam akademik, penyelidikan, kepimpinan dan kerja kesukarelawanan.

Majlis penyampaian anugerah itu disem-

purnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Pahang, Datuk Shahaniza Shamsuddin dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Yang turut hadir Timbalan Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Dr Mazita Mokhtar dan Ketua Penolong Pengarah Promosi Kesihatan JKNP, Ismawati Ishak.